



PELAN STRATEGIK ICT

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

2016-2020



PELAN STRATEGIK ICT (PSICT)
PPTGWP 2016-2020

KANDUNGAN

PERUTUSAN PENGARAH	03
PERUTUSAN KETUA PEGAWAI MAKLUMAT	04
PENGENALAN		
• Pelan Strategik ICT(PSICT) PPTGWP 2016-2020	06
VISI DAN MISI ICT PPTGWP	07
TERAS STRATEGIK ICT DAN OBJEKTIF	09
PENJAJARAN STRATEGI ICT DENGAN PELAN STRATEGIK PPTGWP	10
PEMETAAN TERAS STRATEGIK ICT PPTGWP KEPADA RANGKA KERJA ICT SEKTOR AWAM	11
TERAS STRATEGIK ICT		
• Teras 1: Pemantapan Penyampaian Perkhidmatan Melalui Penggunaan Sistem Dan Aplikasi Yang Bersepadu	13
• Teras 2: Pemantapan Infrastruktur Dan Keselamatan Maklumat Sejajar Dengan Teknologi Terkini	14
• Teras 3 : Pengukuhan Pembangunan Modal Insan Melalui Pengurusan Pengetahuan Dan Pembudayaan ICT	15
• Teras 4: Pengukuhan Tadbir Urus ICT	16
PELAN TINDAKAN		
• Pelan 1: Pemantapan Penyampaian Perkhidmatan Melalui Penggunaan Sistem Dan Aplikasi Yang Bersepadu	18
• Pelan 2: Pemantapan Infrastruktur Dan Keselamatan Maklumat Sejajar Dengan Teknologi Terkini	21
• Pelan 3: Pengukuhan Pembangunan Modal Insan Melalui Pengurusan Pengetahuan Dan Pembudayaan ICT	22
• Pelan 4: Pengukuhan Tadbir Urus ICT	23
HALA TUJU ICT PPTGWP 2016-2020	25
FAKTOR KEJAYAAN UTAMA PSICT PPTGWP	26
PENUTUP	26

PERUTUSAN PENGARAH



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, PPTGWP telah berjaya menyiapkan satu naskah Pelan Strategik ICT (PSICT) PPTGWP bagi tahun 2016 hingga 2020 yang mendokong 4 Teras Strategik selari dengan Pelan Strategik ICT Sektor Awam dan Pelan Strategik Jabatan.

Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang idea dan kepakaran bagi menyediakan Pelan Strategik ICT PPTGWP 2016-2020 ini.

PPTGWP menyokong penuh hasrat Jabatan Perdana Menteri, untuk mentransformasikan Perkhidmatan Kerajaan secara Digital agar menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Justeru, penghasilan Pelan Strategik ICT PPTGWP 2016-2020 dengan menetapkan beberapa teras strategik ICT dan objektif, pelan tindakan, program dan aktiviti serta petunjuk prestasi utama (KPI) adalah satu usaha yang seiring dengan matlamat Jabatan dan negara menuju wawasan 2020.

Kerjasama semua pihak perlu digembeling sepenuhnya bagi menjayakan Pelan Strategik ICT PPTGWP 2016-2020 ini, dengan melaksanakan setiap KPI yang telah ditetapkan. Usaha ini secara tidak langsung akan dapat merealisasikan halatuju PPTGWP untuk menjadi Peneraju Pentadbiran Tanah yang berteraskan Penggunaan Teknologi Secara Optimum menjelang tahun 2020 serta mentadbir urus tanah dan memungut hasil melalui perkhidmatan yang cekap dan inovatif berteraskan sistem dan teknologi ICT.

Sekian, terima kasih.

MUHAMMAD YASIR BIN YAHYA
Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI MAKLUMAT

Bismillahirrahmanirrahim, hasil daripada beberapa siri bengkel dan sebahagian sumbang saran bersama warga PPTGWP dan penglibatan pengurusan tertinggi PPTGWP, maka terbentuklah Pelan Strategik ICT(PSICT) PPTGWP 2016-2020. Pelan ini telah meletakkan asas yang kukuh berpaksikan kepada 4 teras utama yang mendokong 5 lonjakan Teras Pelan Strategik ICT Sektor Awam 2016-2020 serta sejajar dengan Pelan Strategik PPTGWP 2016-2020.

Pelan Strategik ICT PPTGWP ini mempunyai 4 teras iaitu Pemantapan Penyampaian Perkhidmatan Melalui Penggunaan Sistem dan Aplikasi Yang Bersepadu, Pemantapan Infrastruktur dan Keselamatan Maklumat Sejajar Dengan Teknologi Terkini, Pengukuhan Pembangunan Modal Insan Melalui Pengurusan Pengetahuan dan Pembudayaan ICT, dan akhir sekali Pengukuhan Tadbir Urus ICT di PPTGWP.

Pelan Strategik ICT ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa visi dan misi PPTGWP menjadi kenyataan iaitu menjadi peneraju pentadbiran tanah yang berteraskan penggunaan teknologi secara optimum dengan cara mentadbir urus tanah dan memungut hasil melalui perkhidmatan yang cekap dan inovatif berteraskan teknologi. Justeru itu, kerjasama semua dalam berkongsi ilmu dan memberi komitmen yang tinggi adalah amat diperlukan. Akhir kata, ucapan penghargaan saya kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan Pelan Strategik ICT PPTGWP 2016-2020 dapat direalisasikan pelaksanaannya.

Sekian, terima kasih.



**SYED MOHAMAD AL ADROS BIN
TUAN MUNING, K.M.N**
Timbalan Pengarah
Sektor Khidmat Pengurusan

1

PENGENALAN



PENGENALAN

1. Pelan Strategik ICT (PSICT) PPTG WP 2016-2020

Pelan Strategik ICT Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PSICT PPTG WP) menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan ICT Jabatan untuk tempoh lima tahun akan datang. Ia memberi penekanan kepada kecekapan, produktiviti dan inovasi ICT bagi tujuan mengoptimumkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat serta menyokong matlamat PPTGWP dalam mencapai visi untuk menjadi peneraju pentadbiran tanah yang berteraskan penggunaan teknologi secara optimum.

2. Kenapa P SICT PPTGWP 2016-2020 Diperlukan?




- i. Menjajarkan penggunaan teknologi ICT dengan hala tuju *core-bisnes* Jabatan.
- ii. Menjadi rujukan utama Jabatan dalam menjajarkan strategi pelaksanaan ICT dengan agenda ICT Kementerian dan Sektor Awam.
- iii. Mendapat pulangan nilai daripada eksloitasi teknologi dan pelaksanaan ICT yang terancang di Jabatan.
- iii. Mencapai matlamat kerajaan untuk menggapai Wawasan 2020.

3. Skop P SICT PPTGWP

Skop Pembangunan P SICT ini merangkumi seperti berikut:

- i. Keperluan ICT pengguna dari aspek aplikasi sistem, rangkaian dan keselamatan ICT serta peralatan ICT.
- ii. Rangka pelaksanaan ICT melibatkan hala tuju, tempoh dan mekanisme pelan perancangan serta kolaborasi antara agensi.
- iii. Ekspektasi dan sasaran strategik ICT sehingga tahun 2020.



2

PENJAJARAN STRATEGI ICT PPTGWP



TERAS STRATEGIK ICT DAN OBJEKTIF



Teras 1: Pemantapan Penyampaian Perkhidmatan melalui Penggunaan Sistem dan Aplikasi yang Bersepadu

Objektif:

1. Peningkatan produktiviti kerja melalui penggunaan sistem dan aplikasi yang mesra pengguna, dinamik, bersepadu dan berorientasikan perkongsian pintar.
2. Meningkatkan kerjasama di antara agensi berkaitan pembangunan perkongsian pintar melalui integrasi sistem.
3. Warga kerja PPTGWP dapat mencapai pangkalan data pengurusan pengetahuan secara berpusat, cepat dan sistematik.



Teras 2: Pemantapan Infrastruktur dan Keselamatan Maklumat Sejajar dengan Teknologi Terkini

Objektif:

1. Memastikan ketersediaan infrastruktur bagi menyokong penyampaian perkhidmatan.
2. Meningkatkan keupayaan infrastruktur bagi menjamin keselamatan maklumat melalui transaksi yang berintegriti.



Teras 3: Pengukuhan Pembangunan Modal Insan Melalui Pengurusan Pengetahuan Dan Pembudayaan ICT

Objektif:

1. Meningkatkan kemahiran ICT di kalangan warga kerja PPTGWP melalui pembudayaan ICT.
2. Meningkatkan pengetahuan melalui pengurusan pengetahuan dalam menyokong proses pembelajaran berterusan.
3. Mengukuhkan kompetensi ICT di kalangan personel ICT.



Teras 4: Pengukuhan Tadbir Urus ICT

Objektif:

1. Memperkuuhkan pengurusan ICT selaras dengan ekspektasi pengguna dan stakeholders.
2. Meningkatkan pematuhan dan pemantauan ke atas dasar dan polisi yang menyokong penyampaian perkhidmatan core-bz jabatan.

PENJAJARAN STRATEGI ICT DENGAN PELAN STRATEGIK PPTGWP

Pelan Strategik ICT PPTGWP 2016-2020 adalah sejajar dengan Pelan Strategik Jabatan 2016-2020. Hubungkait antara 2 pelan adalah seperti berikut:

PELAN STRATEGIK ICT PPTGWP 2016-2020



Pemantapan penyampaian perkhidmatan melalui penggunaan sistem dan aplikasi yang bersepadu.



Pemantapan infrastruktur dan keselamatan maklumat sejajar dengan teknologi terkini.



Pengukuhan pembangunan modal insan melalui pengurusan pengetahuan dan pembudayaan ICT.



Pengukuhan tadbir urus ICT.

PELAN STRATEGIK PPTGWP 2016-2020

OBJEKTIF 1 : CUSTOMER

Merekayasa sistem penyampaian perkhidmatan dan menambahbaik pengurusan maklumat dan pengetahuan.

OBJEKTIF 2 : FINANCIAL

Mengoptimumkan kutipan hasil di samping memastikan pengurusan kewangan jabatan yang cekap.

OBJEKTIF 3 : INTERNAL BUSINESS PROCESS


Menambahbaik proses dan prosedur kerja termasuk aspek keselamatan dokumen, undang-undang dan peraturan serta memperkasa tindakan penguatkuasaan.

OBJEKTIF 4 : LEARNING AND GROWTH

Meningkatkan penggunaan teknologi terkini dan pembangunan warga kerja yang mahir ICT.

PEMETAAN TERAS STRATEGIK ICT PPTGWP KEPADA RANGKA KERJA ICT SEKTOR AWAM


Rangka Kerja Strategik ICT Sektor Awam 2016-2020 mengandungi beberapa elemen utama iaitu Visi ICT, Teras Strategik ICT, Ekosistem Pemboleh Daya dan Prinsip Asas. Strategik ICT PPTGWP 2016-2020 dijajarkan dengan Pelan Strategik ICT Sektor Awam 2016-2020 seperti berikut:



3

TERAS STRATEGIK:

Objektif, Strategi & Program



TERAS STRATEGIK: TERAS 1


Pemantapan Penyampaian Perkhidmatan Melalui Penggunaan Sistem Dan Aplikasi Yang Bersepadu

Objektif	Strategi	Program
O1: Peningkatan produktiviti kerja melalui penggunaan sistem dan aplikasi yang mesra pengguna, dinamik dan bersepadu.	S1: Pembangunan aplikasi baru yang berimpak tinggi dengan ciri-ciri mesra pengguna, dinamik dan bersepadu.	P1: Pembangunan aplikasi e-Tanah Fasa I yang melibatkan modul-modul berikut : i. Modul Pendaftaran ii. Modul Strata iii. Modul Hasil iv. Modul Consent v. Modul Lelong
O2: Meningkatkan kerjasama di antara agensi melalui integrasi sistem bagi menyokong inisiatif perkongsian pintar.	S2: Mewujudkan integrasi sistem melalui perkongsian pintar di antara agensi strategik.	P2: Pembangunan aplikasi e-Tanah Fasa II yang melibatkan modul-modul berikut : i. Modul Pelupusan ii. Modul Pembangunan iii. Modul Penguatkuasaan iv. Modul Pengambilan
	S3: Pengawalan kualiti dalam pembangunan aplikasi bagi menjamin keselamatan aplikasi dan data.	P3: Perluasan penggunaan Sistem e-Tanah di PPTGWP Putrajaya dan PPTGWP Labuan.
	S4: Melaksanakan penambahbaikan berterusan ke atas sistem yang telah dibangunkan.	P4: Pembangunan dan perluasan aplikasi sistem generic pentadbiran PPTGWP yang memberi impak yang tinggi ke atas pentadbiran Jabatan.
		P5: Pemerksaan sistem aplikasi dan sistem penyampaian secara berterusan selaras dengan perkembangan <i>disruptive technology, feature rich</i> dan mesra rakyat.
		P6: Peningkatan perkhidmatan digital kerajaan tanpa tunai dan <i>paperless</i> .
		P7: Pembangunan mekanisma perkongsian data antara agensi melalui Sistem e-Tanah.
		P8: Pembangunan <i>decision support system</i> yang meliputi ketiga-tiga Wilayah (Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan).

TERAS STRATEGIK: TERAS 2

Pemantapan Infrastruktur Dan Keselamatan Maklumat Sejajar Dengan Teknologi Terkini

Objektif	Strategi	Program
O1: Memastikan ketersediaan infrastruktur bagi menyokong penyampaian perkhidmatan.	S1: Penggunaan teknologi ICT terkini bagi memastikan keupayaan dan keberkesanan infrastruktur ICT.	P1: Menaik taraf perkakasan dan perisian ICT.
O2: Meningkatkan keupayaan infrastruktur bagi menjamin keselamatan maklumat melalui transaksi yang berintegriti.	S2: Pemantapan kawalan infrastruktur ICT bagi menjaga keselamatan maklumat dan integriti data.	P2: Menaiktaraf rangkaian setempat (LAN) dan rangkaian meluas (WAN) melalui pelaksanaan projek Sistem e-Tanah.
	S3: Pengukuhan persekitaran dan kestabilan capaian aplikasi melalui sistem rangkaian yang dinamik dan selamat.	P3: Meningkatkan Infrastruktur Pusat Data PPTG WPKL dan Bilik Server PPTG WPPj & PPTG WPLb
	S4: Pemerkasaan perkhidmatan ICT dan pematuhan keselamatan siber.	P4: Pelaksanaan Pelan Pemulihian Bencana (DRP).
		P5: Peningkatan kawalan keselamatan perkakasan, aplikasi dan rangkaian.



TERAS STRATEGIK: TERAS 3

Pengukuhan Pembangunan Modal Insan Melalui Pengurusan Pengetahuan Dan Pembudayaan ICT

Objektif	Strategi	Program
O1: Meningkatkan kemahiran ICT di kalangan warga kerja PPTGWP melalui pembudayaan ICT.	S1: Pengurusan latihan bersepadu melalui pelan latihan yang menyeluruh.	P1: Pelaksanaan pelan pengurusan perubahan, latihan dan kursus berkaitan ICT.
O2: Meningkatkan pengetahuan melalui pengurusan pengetahuan bagi menyokong proses pembelajaran berterusan dalam melaksanakan tugas harian.	S2: Peningkatan kemahiran dan tahap kompetensi personel ICT.	P2: Mempelbagaikan sumber rujukan berkaitan bidang kerja bagi menambah pengetahuan dan kepakaran.
O3: Mengukuhkan kompetensi ICT di kalangan personel ICT.	S3: Penghayatan budaya kerja melalui penggunaan ICT.	P3: Pematuhan dan penghayatan budaya kerja melalui penggunaan ICT dan Sistem e-Tanah.



TERAS STRATEGIK: TERAS 4

Pengukuhan Tadbir Urus ICT

Objektif	Strategi	Program
O1: Memperkuuhkan pengurusan tadbir urus ICT selaras dengan ekspektasi pengguna dan stakeholders.	S1: Pemantapan pengurusan ICT melalui penstrukturran organisasi ICT mengikut bidang kepakaran ICT agar kemahiran dapat ditingkatkan dan lebih fokus.	P1: Penambahbaikan :- <ul style="list-style-type: none">- Dasar Keselamatan ICT (DKICT)- <i>Disaster Recovery Plan (DRP)</i>- Pengurusan Meja Bantuan- Prosedur Integrasi Sistem- Pemantauan dan pematuhan prosedur <i>backup</i> dan <i>restore</i>.
	S2: Pengwujudan dan pemantapan prosedur ICT.	P2: Pewujudan, pemantapan dan penguatkuasaan prosedur ICT :- <ul style="list-style-type: none">- Audit pematuhan ICT- Audit Sistem Pengurusan Keselamatan ICT (ISMS ISO/IEC 27001 : 2013)
	S3: Pelaksanaan dan pematauan prosedur ICT.	P3: Kajian keperluan dan pelaksanaan penstrukturran semula organisasi ICT.
	S4: Pemerksaan pelaksanaan dan pemantauan PSICT.	P4: Penilaian pencapaian dan keberkesanan PSICT secara tahunan.



4

PELAN TINDAKAN



PELAN TINDAKAN: TERAS 1

Pemantapan Penyampaian Perkhidmatan Melalui Penggunaan Sistem Dan Aplikasi Yang Bersepadu

PROGRAM	AKTIVITI	PENGUKURAN STRATEGIK (2016, 2017, 2018, 2019, 2020)	
		KPI	PELAKSANA
P1: Pembangunan aplikasi e-Tanah Fasa I yang melibatkan modul-modul berikut :	i. Kajian Keperluan Pengguna	Jun 2015 - September 2016 - Satu dokumen CRS	PPTG WPKL Bahagian/Unit - BPM - Pendaftaran - Strata - Hasil - Consent - Lelong JKPTG, NRE - BPICT Pembekal - PTSB
	ii. Pembangunan aplikasi	Jun 2015 – Januari 2017 - Sistem e-Tanah Fasa I	
	iii. Pengujian aplikasi	Januari 2016- Disember 2017 - Sesi PAT - Sesi FAT	
	iv. Perkhidmatan data	Disember 2015 – Jun 2017	
	- Pembersihan data	80% data bersih	
	- Kutipan data	100% data dikutip	
	- Pendigitalan data	100% data digital	
	- Migrasi data	100% data dimigrasi	
	- Verifikasi data	100% data diverifikasi	
	- Kesediaan data versi 0	80% data versi 0	
P2: Pembangunan aplikasi e-Tanah Fasa II yang melibatkan modul-modul berikut :	v. Penggunaan Sistem e-Tanah Fasa I	Jun 2017 - Dijadualkan pada 19 Jun 2017	PPTG WPKL Bahagian/Unit - BPM - Pemberimilikan
	vi. Pengurusan perubahan dan latihan penggunaan Sistem e-Tanah Fasa I	Disember 2016 – Oktober 2017 - Sesi latihan penggunaan Sistem e-Tanah I	
	vii. Pengarkiran pangkalan data dan sistem-sistem legasi	Jun 2017 – Disember 2017 i. Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) ii. Sistem Pungutan Hasil Tanah Berkomputer (SPHTB) iii. Sistem Biometrik iv. Sistem Consent	
	i. Kajian Keperluan Pengguna	Jun 2015 - Oktober 2017 - Satu dokumen CRS	
i. Modul Pelupusan	ii. Pembangunan aplikasi	Jun 2017 – Dis 2017 - Sistem e-Tanah Fasa II	PPTG WPKL Bahagian/Unit - BPM - Pemberimilikan
	iii. Pengujian aplikasi	Januari 2016 - Disember 2017	

PROGRAM	AKTIVITI	PENGUKURAN STRATEGIK (2016, 2017, 2018, 2019, 2020)	
		KPI	PELAKSANA
ii. Modul Pembangunan		- Sesi PAT - Sesi FAT	- Pembangunan
iii. Modul Penguatkuasaan	iv. Perkhidmatan data	Disember 2015 – Dis 2017	- Penguatkuasaan
iv. Modul Pengambilan	- Pembersihan data	80% data bersih	- Teknikal / Plan
	- Kutipan data	100% data dikutip	JKPTG, NRE - BPICL
	- Pendigitalan data	100% data digital	Pembekal - PTSB
	- Migrasi data	100% data dimigrasi	
	- Verifikasi data	100% data diverifikasi	
	- Kesediaan data versi 0	80% data versi 0	
	v. Penggunaan Sistem e-Tanah Fasa II	Dis 2017 - Dijadualkan pada 18 Disember 2017	
	vi. Pengurusan perubahan dan latihan penggunaan Sistem e-Tanah Fasa II	Jan 2018 – Dis 2018 - Sesi latihan penggunaan Sistem e-Tanah Fasa II	
	vii. Pengarkiban pangkalan data dan sistem-sistem legasi	Okt 2017 – Disember 2018 i. Sistem Geospatial Sharing Database Management System (G-SDMS) ii. Sistem Pengurusan Land Charting (eCharting) iii. Sistem Pengurusan dan Pemantauan Tanah (SPPT) iv. Sistem Pengurusan Indeks Tanah (SPINT)	
P3: Perluasan penggunaan Sistem e-Tanah di PPTGWP Putrajaya dan PPTGWP Labuan	i. Melaksanakan <i>Customization Requirement Study</i>	Mac 2018 – Dis 2018	PPTG WPPj dan PPTG WPLb
	ii. Pembangunan dan pengujian aplikasi	Okt 2018 – Dis 2019	Bahagian/Unit
	iii. Perkhidmatan Data Pembersihan data - Pendigitalan data - Migrasi data - Verifikasi data	Julai 2018 - Dis 2019	- BTM / UTM - Pendaftaran - Strata - Hasil - Consent - Lelong - Pembangunan - Pemberimilikan
	iv. Penggunaan Sistem e-Tanah	Mei 2019	- Penguatkuasaan - Teknikal / Plan
	v. Pengurusan perubahan dan latihan penggunaan Sistem e-Tanah	Nov 2019	
	vi. Pengarkiban pangkalan data dan sistem-sistem legasi	Mei 2018 - Dis 2019	

PROGRAM	AKTIVITI	PENGUKURAN STRATEGIK (2016, 2017, 2018, 2019, 2020)	
		KPI	PELAKSANA
			JKPTG, NRE - BPICT Pembekal - PTSB
P4: Pembangunan dan perluasan aplikasi Generic Pentadbiran PPTGWP yang memberi impak yang tinggi ke atas pentadbiran Jabatan	i. Pembangunan Aplikasi Sistem Generic Pentadbiran PPTGWP	2017- 2020 - Mengikut keperluan dan keutamaan.	BPM / UTM
	ii. Perluasan Aplikasi Sistem Generic Pentadbiran ke PPTG WPKL / PPTG Putrajaya / PPTG WP Labuan	2018 - 2020	BPM / UTM
P5: Pemerkasaan sistem aplikasi dan sistem penyampaian secara berterusan selaras dengan perkembangan <i>disruptive technology, feature rich</i> dan mesra rakyat	i. Memantapkan kandungan dan perkhidmatan atas talian yang disediakan melalui portal rasmi PPTG WP dan portal awam e-Tanah.	2018 - 2020	BPM / UTM JKPTG PTSB Bahagian/Unit terlibat
	ii. Mempelbagaikan medium penyampaian perkhidmatan melalui <i>disruptive technology</i> (<i>mobile apps, cloud computing</i> , media sosial dan sebagainya)	2017 - 2020	BPM / UTM Bahagian/Unit terlibat
P6: Peningkatan perkhidmatan digital kerajaan tanpa tunai dan <i>paperless</i>	i. Memperkuuhkan saluran dan infrastruktur tanpa tunai dan <i>paperless</i>	2018 - 2020	BPM / UTM JKPTG PTSB Bahagian/Unit terlibat
P7: Pembangunan mekanisma perkongsian data antara agensi melalui Sistem e-Tanah.	i. Menyediakan hub perkongsian pintar melalui Sistem e-Tanah dengan agensi-agensi berikut : - Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) - Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) - Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) - Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI) - Lain-lain agensi.	2017 - 2020	BPM / UTM JKPTG PTSB Bahagian/Unit terlibat
P8: Pembangunan <i>Decision Support System</i> bagi pengurusan dan pentadbiran tanah PPTGWP yang meliputi ketiga-tiga Wilayah (Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan).	i. Aktiviti pembangunan sistem - CRS - Pembangunan sistem - Pengujian Sistem - Latihan dan pengurusan perubahan	2019 - 2020	BPM / UTM JKPTG PTSB Bahagian/Unit terlibat

PELAN TINDAKAN: TERAS 2

Pemantapan Infrastruktur Dan Keselamatan Maklumat Sejajar Dengan Teknologi Terkini

PROGRAM	AKTIVITI	PENGUKURAN STRATEGIK (2016,2017,2018,2019,2020)	
		KPI	PELAKSANA
P1: Menaik taraf perkakasan dan perisian ICT.	i. Penggantian peralatan ICT di bawah projek Sistem e-Tanah.	2017 - PPTG WPKL	BPM / UTM JKPTG PTSB
	ii. Menaiktaraf infrastruktur ICT setiap 5 tahun (<i>technology refreshment</i>)	2018 - PPTG WPPj / WPLb Peralatan ICT yang memenuhi keperluan Sistem e-Tanah	
P2: Menaiktaraf rangkaian setempat (LAN) dan rangkaian meluas (WAN) melalui pelaksanaan projek e-Tanah	i. Menaiktaraf infrastruktur rangkaian setempat (<i>firewall, switch</i> dan sebagainya)	2017 - PPTG WPKL 2018 - PPTG WPPj / WPLb Selaras dengan pelaksanaan e-Tanah.	BPM / UTM JKPTG PTSB MAMPU
	ii. Menyediakan rangkaian wireless	2017 - PPTG WPKL PPTG WPLb - mengikut keperluan	
	iii. Melaksanakan kajian penggunaan jalur lebar 1Gov.Net	Sekali setahun peningkatan saiz jalur lebar 1Gov.Net mengikut keperluan	
P3: Meningkatkan Infrastruktur Pusat Data PPTG WPKL dan Bilik Server PPTG WPPj & PPTG WPLb	i. Penggantian server bagi sistem-sistem dalam skop e-Tanah	2016 - PPTG WPKL	BPM / UTM JKPTG PTSB
	ii. Penggantian perkakasan pusat data seperti rak server, UPS, precision aircond, pendawaian, sistem pencegah kebakaran dan lain-lain.	2018 - PPTG WPPj / WPLb	
	iii. Menaiktaraf atau mengganti server bagi sistem-sistem sokongan	2016-2020 Mengikut keperluan	
P4: Pelaksanaan Pelan Pemulihan Bencana (DRP)	i. Melaksanakan simulasi Pelan Pemulihan Bencana bagi sistem e-Tanah	2017 - PPTG WPKL 2019 - PPTG WPPj / WPLb Bilangan kekerapan - setahun sekali	BPM / UTM PTSB
P5: Peningkatan kawalan keselamatan perkakasan, aplikasi dan rangkaian.	i. Menaiktaraf dan mengurus sistem antivirus secara berpusat, keselamatan rangkaian dan sistem maklumat.	2016-2020 - PPTG WPKL, WPPj, WPLb	BPM bersama : - PTSB - CERT PPTGWP
	ii. Pemantauan aktiviti rangkaian bagi mengesan sebarang ancaman.		
	iii. Pengurusan dan pemantauan aset ICT melalui <i>Desktop Management System (DMS)</i>		
	iv. Pelaksanaan <i>Security Posture Assessment(SPA)</i>	Setahun sekali	

PELAN TINDAKAN: TERAS 3

Pengukuhan Pembangunan Modal Insan Melalui Pengurusan Pengetahuan Dan Pembudayaan ICT

PROGRAM	AKTIVITI	PENGUKURAN STRATEGIK (2016, 2017, 2018, 2019, 2020)	
		KPI	PELAKSANA
P1: Pelaksanaan pelan pengurusan perubahan, latihan dan kursus berkaitan ICT.	<ul style="list-style-type: none"> i. Mewujudkan pelan latihan dan kursus berkaitan ICT kepada warga kerja PPTG WPKL. ii. Mendapatkan kursus kepakaran ICT yang bersesuaian dengan personel ICT. iii. Pemindahan kepakaran pihak vendor kepada warga BPM melalui projek ICT yang dilaksanakan. iv. Mengadakan kempen kesedaran atau celik ICT (<i>Technology Update</i>). 	2016 - 2020 Pelan Latihan bagi warga kerja PPTG WP dan warga BPM	BPM bersama : - Bhg. PSM - PTSB
P2: Mempelbagaikan sumber rujukan berkaitan bidang kerja bagi menambah pengetahuan dan kepakaran.	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengemaskini kandungan portal dengan informasi terkini. ii. Mengemaskini maklumat PTGPcBOX dengan bahan rujukan yang berkaitan dengan bidang kerja seperti pekeliling, warta kerajaan dan sebagainya. 	2016 - 2020 Informasi terkini disampaikan melalui portal dan PTGPcBOX	BPM bersama : - Unit Komunikasi Korporat - PRO - Semua bahagian yang berkaitan
P3: Pematuhan dan penghayatan budaya kerja melalui penggunaan ICT dan Sistem e-Tanah.	<ul style="list-style-type: none"> i. Merekayasa proses kerja melalui penggunaan teknologi ICT yang terkini. ii. Penglibatan secara terus melalui proses-proses pembangunan aplikasi e-Tanah. 	2016-2020 Sistem e-Tanah yang mesra pengguna	Semua Bahagian BPM bersama : PTSB

PELAN TINDAKAN: TERAS 4

Pengukuhan Tadbir Urus ICT

PROGRAM	AKTIVITI	PENGUKURAN STRATEGIK (2016,2017,2018,2019,2020)	
		KPI	PELAKSANA
P1: Penambahbaikan :	<ul style="list-style-type: none"> - Dasar Keselamatan ICT (DKICT) versi 1.1 - <i>Disaster Recovery Plan (DRP)</i> - Pengurusan Meja Bantuan - Prosedur Integrasi Sistem (SOP) antara agensi. - Pemantauan dan pematuhan prosedur <i>backup</i> dan <i>restore</i> (SOP). 	<ul style="list-style-type: none"> i. Membuat semakan ke atas dokumen-dokumen ICT dari semasa ke semasa. ii. Membuat pengemaskinian dan penambahbaikan ke atas dokumen-dokumen ICT mengikut keperluan semasa. 	2016 - 2020 Dokumen dasar dan polisi ICT BPM / UTM PTSB
P2: Pewujudan, pemantapan dan penguatkuasaan prosedur ICT :	<ul style="list-style-type: none"> - Audit pematuhan ICT - Audit Sistem pengurusan Keselamatan ICT (ISMS ISO/IEC 27001 : 2013) 	i. Membangunkan prosedur audit pematuhan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh MAMPU.	2019 - 2020 Pensijilan ISMS ISO/IEC 27001 : 2013 BPM / UTM PTSB MAMPU
P3: Kajian keperluan dan pelaksanaan penstruktur semula organisasi ICT selaras dengan pelaksanaan Sistem e-Tanah.	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengkaji semula struktur organisasi ICT. ii. Melaksanakan penstruktur semula secara dalaman. 	2017 - 2018 Penstruktur dalaman BPM mengikut fokus bidang aplikasi dan infrastruktur atau rangkaian.	BPM bersama : - Bhg. PSM
P4: Penilaian pencapaian dan keberkesanan PSICT secara tahunan.	<ul style="list-style-type: none"> i. Melaksanakan penilaian pencapaian dan keberkesanan ISP secara tahunan. ii. Mengemaskini program yang digariskan dalam ISP mengikut pelaksanaan dan keperluan semasa. 	2016 - 2020 Dokumen PSICT yang sentiasa dikemaskini	BPM / UTM

5


HALA TUJU DAN FAKTOR KEJAYAAN



HALA TUJU ICT 2016-2020



WAY FORWARD : SISTEM PENTADBIRAN TANAH ELEKTRONIK (e-TANAH) Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP)



FAKTOR KEJAYAAN UTAMA PSICT 2016-2020 PPTGWP



PENUTUP

Dengan adanya kerjasama daripada pihak pengurusan, diharapkan PSICT PPTGWP 2016-2020 ini dapat difahami dan direalisasikan bagi mentransformasikan sistem penyampaian perkhidmatan PPTGWP bertaraf dunia dan memenuhi kehendak pelanggan.



**Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan
(PPTGWP)**

Jabatan Perdana Menteri
Aras G – 6, Rumah Persekutuan
Jalan Sultan Hishamuddin, 50678 Kuala Lumpur
Tel: 03-2610 3300 | Faks: 03-2610 3499
<http://www.ptgwp.gov.my>

Moto:

“SEKATA KITA KOTA”

Disediakan Oleh:

Bahagian Pengurusan Maklumat
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

OKTOBER 2016